

NO SOALAN :40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 30.10.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan baki nilai terkini pelaburan 'unit' yang dimiliki oleh anak syarikat 1MDB, Brazen Sky Limited dan nama institusi bank atau kewangan yang kini menjadi 'custodian' kepada pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Rancangan 1MDB untuk menyelesaikan hutang syarikat adalah seperti berikut:

- i. Pertama, penjualan 100% kepentingan ekuiti 1MDB di dalam syarikat penjana kuasa elektrik bebas Edra (*independent power producer* (IPP), dengan izin). Hasil penjualan ini, 1MDB telah pun membayar balik kesemua hutang bank dan hutang jangka masa pendek;

- ii. Kedua, menurut cadangan PAC, 1MDB perlu memindahkan 100% kepentingan ekuiti 1MDB di dalam hartanah Tun Razak Exchange (TRX) berkeluasan 70 ekar, Bandar Malaysia berkeluasan 486 ekar, Pulau Indah berkeluasan 310 ekar, dan Air Itam berkeluasan 235 ekar) kepada MKD; dan

- iii. Ketiga, melalui pengewangan unit dana dan penyelesaian pertikaian bersama International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar).

Menurut perancangan syarikat yang telah pun dibentangkan kepada PAC, 1MDB akan memperoleh aliran tunai daripada pelaksanaan Pelan Rasionalisasi yang akan digunakan untuk membayar balik hutang jangka masa panjang syarikat. Pengewangan unit pelaburan kepunyaan anak syarikat 1MDB adalah sebahagian

daripada Pelan Rasionalisasi tersebut.

91

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAQ
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 41

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan
mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik luar
ke kawasan Ulu Engkari.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan projek di kawasan Ulu Engkari, Kementerian telah menyenaraikan permohonan untuk pelaksanaan di bawah "Rolling Plan" ke 2 tahun 2017-2018.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada laporan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB), penyambungan bekalan elektrik ke kampung-kampung baru menggunakan talian 11 kV sedia ada tidak dapat dilaksanakan memadamkan talian tersebut tidak dapat menampung bebanan baru. Jika diteruskan, ia akan menyebabkan berlakunya susutan bekalan "*voltage drop*".

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian sedang merancang untuk melaksanakan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) 33kV Sengkunyit dalam tempoh RMK-11. Pembinaan PPU ini dijangka dapat mengatasi masalah bekalan elektrik di kawasan Ulu Engkari.